

SISTEM TAKSIR SENDIRI



NOTA PENERANGAN E 2023

A circular inset image showing a modern, multi-story building with a curved facade and many windows, set against a blue sky with white clouds.

**Penyata Oleh Majikan
(Saraan Bagi Tahun 2023)**

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA

MAKLUMAT ASAS

1	NAMA MAJIKAN SEPERTI DIDAFTARKAN	<p>Nama majikan seperti didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lain-lain. Jika majikan telah bertukar nama, sila catatkan nama lama dalam kurungan.</p> <p>Isikan nama seperti di kad pengenalan / pasport bagi individu yang tidak didaftarkan dengan SSM atau lain-lain.</p>																												
2	NO. MAJIKAN	<p>Nombor fail majikan.</p> <p>Contoh: Bagi No. Majikan E 0123456708</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding: 2px 5px;">E</td> <td style="padding: 2px 5px;">0</td> <td style="padding: 2px 5px;">1</td> <td style="padding: 2px 5px;">2</td> <td style="padding: 2px 5px;">3</td> <td style="padding: 2px 5px;">4</td> <td style="padding: 2px 5px;">5</td> <td style="padding: 2px 5px;">6</td> <td style="padding: 2px 5px;">7</td> <td style="padding: 2px 5px;">0</td> <td style="padding: 2px 5px;">8</td> </tr> </table>	E	0	1	2	3	4	5	6	7	0	8																	
E	0	1	2	3	4	5	6	7	0	8																				
3	KATEGORI MAJIKAN	<p>Isikan kod kategori majikan dalam petak yang disediakan.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th style="text-align: center;">Kod</th> <th style="text-align: center;">Kategori Majikan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Kerajaan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Berkanun</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Pihak berkuasa tempatan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Swasta – Syarikat</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Swasta – Selain syarikat</td> </tr> </tbody> </table>	Kod	Kategori Majikan	1	Kerajaan	2	Berkanun	3	Pihak berkuasa tempatan	4	Swasta – Syarikat	5	Swasta – Selain syarikat																
Kod	Kategori Majikan																													
1	Kerajaan																													
2	Berkanun																													
3	Pihak berkuasa tempatan																													
4	Swasta – Syarikat																													
5	Swasta – Selain syarikat																													
4	STATUS MAJIKAN	<p>Isikan kod status majikan dalam petak yang disediakan.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th style="text-align: center;">Kod</th> <th style="text-align: center;">Status Majikan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Beroperasi</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Dorman *</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Dalam proses penggulungan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dorman * adalah WAJIB mengemukakan Borang E dan C.P.8D.</p> <p>* 'Dorman' bermaksud:</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Tidak pernah beroperasi sejak tarikh diperbadankan / ditubuhkan; atau ~ Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan. 	Kod	Status Majikan	1	Beroperasi	2	Dorman *	3	Dalam proses penggulungan																				
Kod	Status Majikan																													
1	Beroperasi																													
2	Dorman *																													
3	Dalam proses penggulungan																													
5	NO. PENGENALAN CUKAI (TIN)	<p>Isikan TIN majikan seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th style="text-align: center;">Kod</th> <th style="text-align: center;">Jenis Fail</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">01</td> <td>IG (Individu)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">02</td> <td>D (Perkongsian)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">03</td> <td>C (Syarikat)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">04</td> <td>J (Keluarga Sekutu Hindu)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">05</td> <td>F (Pertubuhan)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">06</td> <td>TP (Harta Pusaka)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">07</td> <td>TA (Badan Amanah)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">08</td> <td>TC (Unit Amanah / Amanah Harta Tanah)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">09</td> <td>CS (Koperasi)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">10</td> <td>TR (Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">11</td> <td>PT (Perkongsian Liabiliti Terhad)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">12</td> <td>TN (Amanah Perniagaan)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">13</td> <td>LE (Entiti Labuan)</td> </tr> </tbody> </table>	Kod	Jenis Fail	01	IG (Individu)	02	D (Perkongsian)	03	C (Syarikat)	04	J (Keluarga Sekutu Hindu)	05	F (Pertubuhan)	06	TP (Harta Pusaka)	07	TA (Badan Amanah)	08	TC (Unit Amanah / Amanah Harta Tanah)	09	CS (Koperasi)	10	TR (Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta)	11	PT (Perkongsian Liabiliti Terhad)	12	TN (Amanah Perniagaan)	13	LE (Entiti Labuan)
Kod	Jenis Fail																													
01	IG (Individu)																													
02	D (Perkongsian)																													
03	C (Syarikat)																													
04	J (Keluarga Sekutu Hindu)																													
05	F (Pertubuhan)																													
06	TP (Harta Pusaka)																													
07	TA (Badan Amanah)																													
08	TC (Unit Amanah / Amanah Harta Tanah)																													
09	CS (Koperasi)																													
10	TR (Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta)																													
11	PT (Perkongsian Liabiliti Terhad)																													
12	TN (Amanah Perniagaan)																													
13	LE (Entiti Labuan)																													

		<p>Isikan kod dalam kotak yang pertama, diikuti dengan TIN dalam kotak yang kedua.</p> <p>Contoh I : Bagi No. Pengenalan Cukai IG 10234567080</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">0 1</td> <td style="text-align: center;">1 0 2 3 4 5 6 7 0 8 0</td> </tr> </table> <p>Contoh II : Bagi No. Pengenalan Cukai D 1234567809</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">0 2</td> <td style="text-align: center;">1 2 3 4 5 6 7 8 0 9</td> </tr> </table>	0 1	1 0 2 3 4 5 6 7 0 8 0	0 2	1 2 3 4 5 6 7 8 0 9		
0 1	1 0 2 3 4 5 6 7 0 8 0							
0 2	1 2 3 4 5 6 7 8 0 9							
6	NO. PENGENALAN	Jika majikan adalah perkongsian atau perniagaan milik tunggal, ruangan no. 6 & 7 perlu diisi oleh ahli kongsi utama atau pemilik tunggal perniagaan.						
7	NO. PASPORT							
8	NO. PENDAFTARAN DENGAN SSM ATAU LAIN-LAIN	Nombor pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau lain-lain.						
9	ALAMAT SURAT-MENYURAT	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM.						
10	NO. TELEFON	Nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah / telefon bimbit. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM. Nota: Salah satu ruangan (no. 10 atau 11) adalah WAJIB diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.						
11	NO. TELEFON BIMBIT							
12	E-MEL	Ruangan ini WAJIB diisi dengan alamat e-mel. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM.						
13	CARA PENGEMUKAAN C.P.8D	<p>Isikan kod cara pengemukaan yang berkenaan dalam kotak yang disediakan.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kod</th> <th style="text-align: center;">Cara Pengemukaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Melalui <i>e-Data Prais</i>/<i>e-CP8D</i></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Dikecualikan (Majikan yang terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu dan Harta Pusaka yang tiada pekerja adalah dikecualikan mengemukakan C.P.8D)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang e-E hanya akan dianggap lengkap jika C.P.8D dikemukakan pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan borang. • Majikan hendaklah mengemukakan C.P.8D secara e-Filing berserta Borang e-E yang dikemukakan melalui e-Filing. • Majikan yang telah menghantar maklumat melalui <i>e-Data Prais</i>/<i>e-CP8D</i> sebelum 25 Februari 2024 tidak perlu mengemukakan lagi C.P.8D bersama-sama Borang e-E. • Pengemukaan C.P.8D melalui pemacu USB atau emel CP8D@hasil.gov.my adalah TIDAK dibenarkan. • C.P.8D yang tidak mengikut format seperti ditetapkan oleh LHDNM adalah TIDAK boleh diterima. • Sekiranya ruangan maklumat dalam C.P.8D tidak di isi dan tidak selari dengan piawaian susun atur yang ditetapkan, data C.P.8D boleh dianggap sebagai TIDAK lengkap dan Borang e-E turut dianggap sebagai tidak lengkap yang tidak boleh diterima. 	Kod	Cara Pengemukaan	1	Melalui <i>e-Data Prais</i> / <i>e-CP8D</i>	2	Dikecualikan (Majikan yang terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu dan Harta Pusaka yang tiada pekerja adalah dikecualikan mengemukakan C.P.8D)
Kod	Cara Pengemukaan							
1	Melalui <i>e-Data Prais</i> / <i>e-CP8D</i>							
2	Dikecualikan (Majikan yang terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Keluarga Sekutu Hindu dan Harta Pusaka yang tiada pekerja adalah dikecualikan mengemukakan C.P.8D)							

BAHAGIAN A:		MAKLUMAT BILANGAN PEKERJA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023
A1	BILANGAN PEKERJA PADA 31/12/2023	Jumlah bilangan semua pekerja dalam syarikat / perniagaan majikan pada 31 Disember 2023 termasuk pekerja sepenuh masa, separuh masa, kontrak dan pelatih industri. Maklumat pekerja juga hendaklah mengandungi individu yang bertanggungjawab atau terlibat dalam pengurusan sesuatu organisasi (termasuk pengarah syarikat, ahli lembaga koperasi, pentadbir utama pertubuhan dan pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad).
A2	BILANGAN PEKERJA YANG TERTAKLUK KEPADA PCB	Jumlah bilangan pekerja yang tertakluk kepada Potongan Cukai Bulanan (PCB) sepanjang tahun 2023.
A3	BILANGAN PEKERJA BAHARU	Jumlah bilangan pekerja yang mula bekerja dalam tahun 2023 di syarikat / perniagaan majikan.
A4	BILANGAN PEKERJA YANG BERHENTI KERJA / MENINGGAL DUNIA	Jumlah bilangan pekerja yang berhenti kerja atau meninggal dunia dalam tahun 2023.
A5	BILANGAN PEKERJA YANG BERHENTI KERJA UNTUK MENINGGALKAN MALAYSIA	Jumlah bilangan pekerja yang berhenti kerja untuk meninggalkan Malaysia ('Leaver') dalam tahun 2023.
A6	MELAPORKAN KEPADA LHDNM (Jika A5 berkaitan)	Ruangan ini hanya perlu diisi jika ruang A5 adalah berkaitan. Isikan '1' ('Ya') jika majikan telah melaporkan pemberhentian pekerja kepada LHDNM. Jika mengisi '2' ('Tidak'), sila hubungi cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja berkenaan dengan segera.

BAHAGIAN B:	AKUAN
-------------	-------

Pengakuan ini perlu dibuat oleh majikan mengikut kategori majikan selaras dengan peruntukan Seksyen 66 hingga Seksyen 76 dan Seksyen 86 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Borang nyata yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses. Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada majikan sebagai makluman. Tarikh akhir pengemukaan Borang E bagi Tahun Saraan 2023 adalah 31 Mac 2024. Kegagalan mengemukakan Borang E pada atau sebelum 31 Mac 2024 adalah satu kesalahan jenayah dan boleh didakwa di mahkamah.

C.P.8D: PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN, TUNTUTAN POTONGAN DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

- Majikan dikehendaki mengisi penyata untuk semua pekerja bagi tahun 2023.
- Majikan yang telah menghantar maklumat melalui *e-Data Prais/e-CP8D* sebelum 25 Februari 2024 tidak perlu mengemukakan lagi maklumat C.P.8D bersama-sama Borang e-E.
- Maklumat C.P.8D hendaklah mengandungi SEMUA maklumat pekerja (termasuk pekerja sepenuh masa / separuh masa / kontrak dan pelatih industri) dan individu yang bertanggungjawab atau terlibat dalam pengurusan sesuatu organisasi (termasuk pengarah syarikat, ahli lembaga koperasi, pentadbir utama pertubuhan dan pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad).
- Majikan bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dorman adalah WAJIB mengemukakan Borang E dan C.P.8D.

A	Bil.	Nombor bilangan mengikut tertib menaik.
B	Nama pekerja	Ruangan WAJIB diisi nama penuh pekerja seperti di kad pengenalan / pasport.
C	No. Pengenalan Cukai (TIN)	Ruangan ini WAJIB diisi TIN pekerja. Contoh: IG 10234567080

D	No. pengenalan / pasport	<p>Isikan No. Pengenalan (Kad Pengenalan / Polis / Tentera) atau Pasport pekerja dalam ruangan yang disediakan. Sekiranya pekerja tiada No Pengenalan, ruangan ini perlu diisikan dengan nombor 000000000000 (12 digit).</p> <p>Nota: Keutamaan diberikan kepada No. Kad Pengenalan Baru diikuti dengan No. Polis, No. Tentera dan No. Pasport.</p>														
E	Kategori pekerja	<p>Sila rujuk Kategori Pekerja berikut [dari warta Kerajaan [P.U. (A) 362/2014] dan Garis Panduan PCB], dan WAJIB diisi kod bagi pekerja berkenaan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kod</th> <th>Kategori Pekerja</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kategori 1 : Bujang</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kategori 2 : Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Kategori 3 : Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jika status berubah contohnya daripada Kategori 1 kepada Kategori 3, isikan kod Kategori Pekerja mengikut status terkini.</p> <p>Contoh: Pekerja berkahwin pada 24 Jun 2023 dan isterinya bekerja. Isikan '3' bagi pekerja tersebut di ruangan ini.</p>	Kod	Kategori Pekerja	1	Kategori 1 : Bujang	2	Kategori 2 : Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja	3	Kategori 3 : Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat.						
Kod	Kategori Pekerja															
1	Kategori 1 : Bujang															
2	Kategori 2 : Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja															
3	Kategori 3 : Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat.															
F	Status Pekerja	<p>Ruangan adalah WAJIB diisi.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kod</th> <th>Jenis Pekerjaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Status 1 : Pengurusan Organisasi</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Status 2 : Tetap</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Status 3 : Kontrak</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Status 4 : Sambilan</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Status 5 : Pelatih Industri</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Status 6 : Lain-lain</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jika status berubah contohnya daripada Status 3 kepada Status 2, isikan Status Pekerja yang terkini.</p> <p>Nota: Pengurusan organisasi adalah merujuk kepada pengarah syarikat / ahli lembaga koperasi / pentadbir utama pertubuhan / pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad.</p> <p>Contoh: Pekerja ditawarkan pekerjaan berstatus kontrak dan diserap sebagai tetap. Jenis Pekerjaan yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '2'.</p>	Kod	Jenis Pekerjaan	1	Status 1 : Pengurusan Organisasi	2	Status 2 : Tetap	3	Status 3 : Kontrak	4	Status 4 : Sambilan	5	Status 5 : Pelatih Industri	6	Status 6 : Lain-lain
Kod	Jenis Pekerjaan															
1	Status 1 : Pengurusan Organisasi															
2	Status 2 : Tetap															
3	Status 3 : Kontrak															
4	Status 4 : Sambilan															
5	Status 5 : Pelatih Industri															
6	Status 6 : Lain-lain															
G	Tarikh Persaraan / Tamat Kontrak	<p>Ruangan adalah WAJIB di isi tarikh persaraan mengikut kontrak penggajian atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis atau tarikh tamat kontrak mengikut kontrak penggajian</p> <p>Sekiranya pekerja telah berhenti / diberhentikan dalam tahun saraan, isi tarikh pemberhentian pada tahun saraan.</p>														
H	Cukai ditanggung oleh majikan	<p>Ruangan adalah WAJIB di isi '1' ('Ya') jika pekerja menerima manfaat cukai ditanggung oleh majikan (elaun cukai) atau '2' ('Tidak' sekiranya pekerja tidak menerima manfaat tersebut dalam tahun 2023.</p>														
Pelepasan anak yang layak:																
I	Bilangan anak	<p>Nyatakan bilangan anak yang pekerja layak menuntut pelepasan cukai bagi tahun 2023 tertakluk kepada peruntukan seksyen 48 ACP 1967.</p>														
J	Jumlah pelepasan	<p>Nyatakan jumlah pelepasan anak yang telah diambil kira dalam pengiraan PCB terakhir pekerja bagi Tahun Saraan 2023.</p> <p>Contoh: Seorang pekerja, Encik Suhaimi mempunyai tiga (3) orang anak yang layak dituntut pelepasan anak. - Anak pertama mula bekerja pada 1 Oktober 2023.</p>														

		<p>Anak kedua berumur 20 tahun, belum berkahwin dan mengikuti kursus peringkat ijazah di universiti tempatan.</p> <p>Anak ketiga berumur 16 tahun dan masih bersekolah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Encik Suhaimi bersara mulai 1 Disember 2023. - Bagi tujuan pengiraan PCB November 2023 (PCB terakhir bagi 2023) Encik Suhaimi, bilangan anak yang layak dituntut pelepasan cukai adalah dua (2) orang, dan majikan telah mengambil kira pelepasan anak berjumlah RM (8,000 + 2,000) = RM10,000. - Majikan perlu memasukkan '10,000' di ruangan 'J' bagi Encik Suhaimi.
K	Jumlah saraan kasar	<p>Jumlah saraan kasar pekerja yang LAYAK DIKENAKAN CUKAI TERMASUK:</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Manfaat berupa barangan ~ Manfaat nilai tempat kediaman ~ Manfaat skim opsyen saham pekerja ~ Tunggakan saraan kasar tahun-tahun terdahulu yang diterima dalam tahun 2023.
L	Manfaat berupa barangan	<p>Nilai manfaat berupa barangan yang diterima oleh pekerja daripada majikan.</p> <p>Rujuk Ketetapan Umum Bil. 3/2017 dan Ketetapan Umum Bil. 11/2019.</p>
M	Nilai tempat kediaman	<p>Nilai manfaat tempat kediaman yang diterima oleh pekerja daripada majikan.</p> <p>Rujuk Ketetapan Umum Bil. 3/2005 (Asal dan Tambahan) serta Ketetapan Umum Bil. 3/2017.</p>
N	Manfaat skim opsyen saham pekerja (ESOS)	<p>Nilai manfaat saham yang diterima oleh pekerja daripada majikan.</p> <p>Rujuk Ketetapan Umum Bil. 11/2012.</p>

O Senarai elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai yang perlu dilaporkan: -

BIL.	PERKARA	HAD PENGECUALIAN (SETAHUN)
1.	Elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau mana-mana gabungannya atas urusan rasmi. Sekiranya amaun yang diterima melebihi RM6,000 setahun, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.	RM6,000
2.	Elaun penjagaan anak bagi anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah .	RM2,400
3.	(a) Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama pekerja. (b) Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama majikan.	Terhad kepada satu unit bagi setiap aset
4.	(a) Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA dan langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja. (b) Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA dan langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama majikan. Nota: Di mana pekerja menerima elaun tetap untuk telefon, amaun penuh elaun telefon tersebut adalah dikenakan cukai.	Terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset
5.	Nilai manfaat yang diterima oleh pekerja bagi tujuan untuk mendapatkan telefon pintar, tablet atau komputer peribadi. [P.U. (A) 134/2021 dan P.U. (A) 30/2021 – mulai tahun taksiran 2020]	Terhad kepada amaun tidak melebihi RM5,000
6.	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (i) pencapaian perkhidmatan lalu; (ii) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (iii) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama.	RM2,000
7.	Kadar letak kereta atau elaun letak kereta termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.	Terhad kepada amaun sebenar yang dibelanjakan
8.	Elaun makan yang diterima secara tetap , contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja. Elaun makan untuk kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan / negara dalam melaksanakan pekerjaan sekiranya diberi berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekelling / edaran / arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.	
9.	Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan dikecualikan sepenuhnya jika jumlah pinjaman yang diambil secara agregat tidak melebihi RM300,000. Jika amaun pinjaman melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah adalah terhad mengikut formula seperti berikut: $A \times \frac{B}{C}$ Di mana; A = perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; B = jumlah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah; C = ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja. Nota:- Pengecualian subsidi faedah tersebut terpakai kepada: ~ mana-mana jenis rumah kediaman, tidak kira sama ada pekerja telah mempunyai rumah kediaman lain; ~ pinjaman pelajaran yang digunakan untuk pelajaran pekerja itu sendiri; ~ kenderaan SELAIN daripada kenderaan yang dilesenkan berkaitan pengangkutan perdagangan barangan atau penumpang.	

PENGECUALIAN CUKAI DI ATAS TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS MAJIKANNYA

Sekiranya pekerja mempunyai kawalan ke atas majikannya, elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang diterima oleh pekerja itu adalah dikenakan cukai dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar pengajiannya.

Kawalan ke atas majikan bermaksud :

- (a) bagi suatu syarikat, kuasa bagi seseorang pekerja untuk mengawal adalah melalui pemegangan saham atau pemilihan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu;
- (b) bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu; atau
- (c) bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.

Nota:

1. Hanya elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai seperti yang tersenarai di atas (Bil. 1 hingga 9) **perlu dilaporkan** dalam ruangan O Borang C.P.8D.
2. Lain-lain elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai tetapi **TIDAK perlu dilaporkan** dalam ruangan O Borang C.P.8D adalah seperti berikut:
 - (i) Barangan yang merupakan produk boleh guna perniagaan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskaun sebahagiannya (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah **TIDAK dikecualikan cukai**. Pengecualian terhad kepada RM1,000.
 - (ii) Tambang percutian (pengecualian ke atas manfaat ini hanya terpakai jika ia diperuntukkan kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat).
 - (a) Dalam Malaysia (termasuk perbelanjaan penginapan dan makanan) tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalendar; atau
 - (b) Luar Malaysia tidak melebihi sekali dalam satu tahun kalendar, terhad kepada RM3,000.
 - (iii) Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah **TIDAK dikecualikan cukai**.
 - (iv) Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina dan Perubatan Tradisional India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Contoh: Urutan tradisional Melayu, *ayurvedic* dan akupunktur. Perubatan komplementari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian ini.
 - (v) Premium insurans yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gantian kepada sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
 - (vi) Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan.

Jumlah Tuntutan Potongan Oleh Pekerja Melalui Borang TP1:


P	Pelepasan	Jumlah potongan yang dituntut oleh pekerja bagi tahun 2023 iaitu jumlah amaun dari Bahagian C (Maklumat Potongan), Borang TP1* (jika ada) yang telah dikemukakan oleh pekerja dan diproses oleh majikannya. * Borang Tuntutan Potongan Dan Rebat Individu Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) ini boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM.
Q	Zakat	Jumlah amaun zakat SELAIN yang dibayar melalui potongan gaji bulanan, yang dituntut oleh pekerja bagi tahun 2023 iaitu jumlah amaun dari Bahagian D (Rebat), Borang TP1 (jika ada) yang telah dikemukakan oleh pekerja dan diproses oleh majikannya.
R	Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Jumlah caruman wajib yang telah dibayar oleh pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
S	Zakat Yang Dibayar Melalui Potongan Gaji	Jumlah amaun zakat yang telah dibayar oleh pekerja melalui potongan gaji.

Jumlah potongan cukai:																														
T	PCB	<p>Jumlah amaun cukai pendapatan pekerja yang telah dipotong di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, dan dibayar kepada LHDNM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • PCB yang dibuat dalam tahun 2023 ke atas pendapatan pekerja hendaklah diambil kira iaitu: <ul style="list-style-type: none"> - Pendapatan tahun 2023; - Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) yang dibayar dalam tahun 2023; dan - Pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan dalam tahun 2023. <p>Contoh:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan Gaji (CP39)</th> <th>Bayaran Gaji / PCB</th> <th>Tarikh Akhir Bayaran PCB</th> <th>Borang EA / EC Tahun Saraan *</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Dis 2022</td> <td>Dis 2022</td> <td>15 Jan 2023</td> <td>2022</td> </tr> <tr> <td>Dis 2022</td> <td>Jan 2023</td> <td>15 Feb 2023</td> <td>2023</td> </tr> <tr> <td>Dis 2023</td> <td>Dis 2023</td> <td>15 Jan 2024</td> <td>2023</td> </tr> <tr> <td>Dis 2023</td> <td>Jan 2024</td> <td>15 Feb 2024</td> <td>2024</td> </tr> <tr> <td>Jan 2024</td> <td>Dis 2023</td> <td>15 Jan 2024</td> <td>2023</td> </tr> <tr> <td>Jan 2024</td> <td>Jan 2024</td> <td>15 Feb 2024</td> <td>2024</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Borang EA / EC bagi tahun saraan berkenaan yang mana maklumat gaji dan PCB perlu dimasukkan.</p>	Bulan Gaji (CP39)	Bayaran Gaji / PCB	Tarikh Akhir Bayaran PCB	Borang EA / EC Tahun Saraan *	Dis 2022	Dis 2022	15 Jan 2023	2022	Dis 2022	Jan 2023	15 Feb 2023	2023	Dis 2023	Dis 2023	15 Jan 2024	2023	Dis 2023	Jan 2024	15 Feb 2024	2024	Jan 2024	Dis 2023	15 Jan 2024	2023	Jan 2024	Jan 2024	15 Feb 2024	2024
Bulan Gaji (CP39)	Bayaran Gaji / PCB	Tarikh Akhir Bayaran PCB	Borang EA / EC Tahun Saraan *																											
Dis 2022	Dis 2022	15 Jan 2023	2022																											
Dis 2022	Jan 2023	15 Feb 2023	2023																											
Dis 2023	Dis 2023	15 Jan 2024	2023																											
Dis 2023	Jan 2024	15 Feb 2024	2024																											
Jan 2024	Dis 2023	15 Jan 2024	2023																											
Jan 2024	Jan 2024	15 Feb 2024	2024																											
U	CP 38	Jumlah amaun cukai pendapatan pekerja yang telah dipotong mengikut arahan dalam Borang CP 38, dan dibayar kepada LHDNM.																												
V	Insurans perubatan yang dibayar melalui potongan gaji	Jumlah amaun premium insurans perubatan yang dibayar oleh pekerja melalui potongan gaji.																												
W	Caruman PERKESO yang dibayar melalui potongan gaji	Jumlah caruman yang dibayar oleh pekerja melalui potongan gaji kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.																												

SISTEM TAKSIR SENDIRI



NOTA PANDUAN EA & EC SARAAN BAGI TAHUN 2023

A circular inset image showing a modern, multi-story building with a curved facade and many windows, set against a blue sky with white clouds.

**Borang C.P.8A (EA) &
Borang C.P.8C (EC)**

BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA

NOTA PANDUAN UNTUK MENGISI BORANG C.P.8A (EA) DAN C.P.8C (EC)

Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Borang C.P.8A / C.P.8C perlu disediakan dan diserahkan kepada pekerja pada atau sebelum **29 Februari 2024** bagi membolehkan mereka melengkapkan dan mengembalikan Borang Nyata masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan.

1. Jika majikan terdiri daripada syarikat atau suatu kumpulan orang, pengurus atau pegawai utama, ahli kongsi dan pemilik perniagaan adalah disifatkan sebagai majikan bagi maksud penyata ini.
2. Amaun yang perlu dinyatakan ialah **amaun kasar** yang dibayar kepada atau bagi pihak pekerja itu berkenaan dengan penggajiannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
3. Di bawah subseksyen 13(1) ACP 1967, **pendapatan kasar daripada penggajian** TERMASUK:

(a) **Perenggan 13(1)(a)**

Upah, gaji, gaji / elaun lebih masa, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, tip, perkuisit, elaun cukai / cukai ditanggung oleh majikan, penerimaan sagu hati, pemberian atau elaun (sama ada berupa wang atau tidak). Bagi maksud Borang-Borang C.P.8A dan C.P.8C, elaun-elaun sara hidup yang semata-mata bayaran ganti perbelanjaan yang sebenarnya telah dilakukan oleh pekerja itu dalam menjalankan kewajipan-kewajipannya boleh ditinggalkan.

Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2019 - Perkuisit Daripada Penggajian
Ketetapan Umum No. 11/2016 - Cukai Ditanggung Oleh Majikan
Ketetapan Umum No. 9/2016 - Ganjaran
Ketetapan Umum No. 11/2012 - Manfaat Skim Saham Pekerja

(b) **Perenggan 13(1)(b)**

Manfaat berupa barangan adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang. Ianya disediakan bagi pekerja oleh majikannya / bagi pihak majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut, isteri, keluarga, orang gaji, tanggungan-tanggungan atau tetamu-tetamu pekerja.

Rujukan: Ketetapan Umum No. 11/2019 - Manfaat Berupa Barangan

(c) **Perenggan 13(1)(c)**

Nilai tempat kediaman adalah suatu amaun berkenaan dengan kegunaan atau manfaat oleh pekerja bagi tempat kediaman dalam Malaysia yang disediakan oleh majikan sama ada secara percuma atau sebaliknya.

Rujukan: Garis Panduan Untuk Pengiraan Nilai Manfaat Tempat Kediaman (dilampirkan)
Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal & Tambahan) - Manfaat Tempat Kediaman
Yang Disediakan Oleh Majikan Kepada Pkerjanya

(d) **Perenggan 13(1)(d)**

Wang pukal yang diterima oleh pekerja daripada kumpulan wang pencen atau kumpulan wang simpanan yang tidak diluluskan (bahagian majikan sahaja), yang sepatutnya tidak diterima jika majikan tidak membuat caruman kepada kumpulan wang itu bagi pihak pekerja.

(e) **Perenggan 13(1)(e)**

Sebarang wang yang diterima sebagai pampasan kerana kehilangan pekerjaan. Bayaran ini mungkin dibayar sebelum atau selepas pekerja diberhentikan.

Rujukan: Ketetapan Umum No. 1/2012 - Pampasan Atas Kehilangan Pekerja

4. (a) Pendapatan kasar berkenaan dengan penggajian termasuklah amaun wang yang boleh diterima bukan sahaja bagi tempoh selama penggajian itu dijalankan di Malaysia tetapi juga bagi mana-mana tempoh cuti yang bersabit dengan penggajian itu di Malaysia dan bagi mana-mana tempoh selama pekerja itu menyelenggarakan di luar Malaysia kewajipan-kewajipan yang bersampingan dengan perjalanan penggajian itu di Malaysia.
 - (b) Berkenaan dengan penggajian dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun, pendapatan kasar seseorang warganegara Malaysia hendaklah termasuk amaun yang boleh diterima bagi sesuatu tempoh selama penggajian itu dijalankan di luar Malaysia dan bagi sesuatu tempoh cuti yang boleh disabitkan kepada perjalanan penggajian itu di luar Malaysia.
 - (c) Jika pendapatan kasar daripada sesuatu penggajian tidak kena dibayar bagi mana-mana tempoh yang tertentu dan pertama kalinya kena dibayar dalam tahun penyata disediakan, maka jumlah wang itu hendaklah dimasukkan dalam penyata ini.
5. Mulai tahun taksiran 2016, pendapatan kasar pekerja daripada penggajian bagi mana-mana tempoh akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima [subseksyen 25(1) ACP 1967]. Ini termasuk tunggakan dan lain-lain bagi tahun-tahun terdahulu, pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan, bonus serta fi pengarah yang jika dibayar dalam tahun semasa hendaklah dilaporkan di Bahagian B Borang C.P.8A / C.P.8C bagi tahun semasa.
6. **Derma / hadiah / sumbangan diluluskan yang dibayar melalui potongan gaji**
 - (a) Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2021 - Pencukaaian Individu Bermastautin Bahagian I - Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan
 - (b) Derma / hadiah / sumbangan diluluskan yang dibayar melalui potongan gaji adalah termasuk sumbangan tunai atau barangan bagi menangani pandemik COVID-19. Sila rujuk Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Pautan Pantas > FAQs PKP 3.0 – Pelan Pemulihan Negara & Pakej Rangsangan Ekonomi > Soalan Lazim Berkenaan Sumbangan / Derma.
7. **Caruman yang dibayar oleh pekerja kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

Nilai caruman yang dibayar kepada PERKESO menurut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 sekiranya caruman dibuat melalui Skim Insurans Pekerjaan (SIP).
8. **Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai**

Sila rujuk penerangan di ruangan O muka surat 6 dan 7 Nota Penerangan Borang E.

**GARIS PANDUAN UNTUK PENGIRAAN NILAI MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN YANG
DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN KEPADA PEKERJANYA [PERENGGAN 13(1)(c)]**

PENGIRAAN BAGI NILAI MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN

Jika majikan menyediakan tempat tinggal / kediaman bagi pekerjaanya, nilai manfaat tempat kediaman yang ditentukan akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian pekerjaanya di bawah perenggan 13(1)(c) ACP 1967.

Mulai Tahun taksiran 2009, bagi tujuan menentukan nilai manfaat tempat kediaman, pendapatan kasar pekerja di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat.

Rujuk Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal dan Tambahan yang dikeluarkan pada 11 Ogos 2005 dan 5 Februari 2009) untuk pengiraan.

Nilai premis kediaman telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) **Kategori 1** - 3% x Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *
- (ii) **Kategori 2** - 30% x Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat * **ATAU** nilai tertentu yang mana lebih rendah
- (iii) **Kategori 3** - Nilai tertentu

Untuk contoh-contoh di bawah ini:-

* Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) TIDAK TERMASUK amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat	= T
Nilai manfaat premis kediaman	= Z
Tempoh penghunian diperuntukkan	= n
Tempoh penggajian	= m
Bahagian diperuntukkan	= X
Bahagian keseluruhan	= Y
** Nilai tertentu (rujuk penerangan di muka surat 6)	= F

KATEGORI 1: Premis kediaman pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan / Badan Berkanun) / pengarah urusan

Premis kediaman disediakan:

- Di hotel, asrama atau premis yang serupa; atau
- Premis di ladang, hutan atau di kawasan yang tidak dikadarkan (di luar kawasan pihak majlis tempatan).

Nilai manfaat premis kediaman = 3% x Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) TIDAK TERMASUK amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *

Contoh I:

- Pendapatan kasar penggajian * RM36,000 (T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan 12 bulan (n)
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa 12 bulan (m)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai manfaat premis kediaman (Z)} &= 3\% \quad \times \quad \mathbf{T} \quad \times \quad \mathbf{n/m} \\
 &= 3/100 \quad \times \quad 36,000 \quad \times \quad 12/12 \\
 &= \mathbf{RM1,080}
 \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (Z) = RM1,080

Pindahkan Amaun Z ke ruang C Helaiian Kerja HK-2

Contoh II:

Jika premis kediaman disediakan **kurang dari 12 bulan dalam satu tahun**, pengiraan nilai manfaat premis kediaman akan dikira **berasaskan tempoh** premis kediaman disediakan.

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	7 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	9 bulan	(m)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

$$\begin{aligned} \text{Nilai manfaat premis kediaman (Z)} &= 3\% \quad \times \quad T \quad \times \quad n/m \\ &= 3/100 \quad \times \quad 150,000 \quad \times \quad 7/9 \\ &= \text{RM3,500} \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (Z) = RM3,500

Pindahkan Amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2**KATEGORI 2: Premis Kediaman bagi seorang pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan / Badan Berkanun) atau pengarah urusan**

Nilai Manfaat Premis Kediaman = 30% x Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *

Atau

Nilai tertentu, yang mana lebih rendah

Contoh I: Premis kediaman dihuni tanpa dikongsi dengan pekerja lain

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	12 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	12 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM2,000 sebulan	
- Nilai tertentu [2,000 x 12 bulan (m)]	RM24,000	(F)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

$$\begin{aligned} &30\% \quad \times \quad T \\ &= 30/100 \quad \times \quad 150,000 \\ &= \text{RM45,000} \\ \text{ATAU} &= F \\ &= \text{RM24,000} \\ \text{Nilai manfaat premis kediaman (Z)} &= 24,000 \quad \times \quad n/m \\ &= 24,000 \quad \times \quad 12/12 \\ &= \text{RM24,000} \end{aligned} \quad \left. \vphantom{\begin{aligned} &30\% \quad \times \quad T \\ &= 30/100 \quad \times \quad 150,000 \\ &= \text{RM45,000} \\ &= F \\ &= \text{RM24,000} \\ &= 24,000 \quad \times \quad n/m \\ &= 24,000 \quad \times \quad 12/12 \\ &= \text{RM24,000} \end{aligned}} \right\} \text{ yang mana lebih rendah}$$

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (Z) = RM24,000

Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2

Contoh II: Berkongsi premis kediaman dengan seorang pekerja lain

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	9 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	9 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM3,000 sebulan	
- Berkongsi 2 orang - bahagian diperuntukkan	1	(X)
- bahagian keseluruhan	2	(Y)
- Nilai tertentu [3,000 x 9 bulan (m)]	RM27,000	(F)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

	30%	x	T	}	yang mana lebih rendah
	= 30/100	x	150,000		
	= RM45,000				
ATAU	= F	x	X/Y		
	= 27,000	x	1/2		
	= RM13,500				
Nilai manfaat premis kediaman (Z)	= 13,500	x	n/m		
	= 13,500	x	9/9		
	= RM13,500				

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (**Z**) = RM13,500

Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2

Contoh III: Sebahagian daripada premis tempat kediaman digunakan untuk urusan rasmi

- Pendapatan kasar penggajian *	RM100,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	9 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa	12 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM4,000 sebulan	
- 1/3 untuk urusan rasmi - bahagian diperuntukkan	2	(X)
- bahagian keseluruhan	3	(Y)
- Nilai tertentu [4,000 x 12 bulan (m)]	RM48,000	(F)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

	30%	x	T	}	yang mana lebih rendah
	= 30/100	x	100,000		
	= RM30,000				
ATAU	= F	x	X/Y		
	= 48,000	x	2/3		
	= RM32,000				
Nilai manfaat premis kediaman (Z)	= 30,000	x	n/m		
	= 30,000	x	9/12		
	= RM22,500				

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (**Z**) = RM22,500

Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2

KATEGORI 3: Manfaat kediaman bagi pengarah syarikat terkawal

Bagi pengarah syarikat terkawal, nilai manfaat premis kediaman ialah nilai tertentu premis kediaman yang disediakan. Tidak ada perbandingan dengan 30% pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) yang **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *.

Contoh I: Kediaman tidak berkongsi

- Pendapatan kasar penggajian *	RM200,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	9 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	10 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM3,000 sebulan	
- Nilai tertentu [3,000 x 10 bulan (m)]	RM30,000	(F)

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

$$\begin{aligned}\text{Nilai manfaat premis kediaman (Z)} &= \mathbf{F} && \times && \mathbf{n/m} \\ &= 30,000 && \times && 9/10 \\ &= \text{RM27,000}\end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (Z) = RM27,000

Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2

Contoh II: Kediaman dikongsi dengan seorang pengarah / pekerja lain

- Pendapatan kasar penggajian *	RM200,000	(T)	
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	12 bulan	(n)	
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa	12 bulan	(m)	
- Kadar bulanan premis kediaman	RM3,000 sebulan		
- Berkongsi 2 orang	- bahagian diperuntukkan	1	(X)
	- bahagian keseluruhan	2	(Y)
- Nilai tertentu [3,000 x 12 bulan (m)]	RM36,000	(F)	

Pengiraan nilai manfaat premis kediaman:

$$\begin{aligned}\text{Nilai manfaat premis kediaman (Z)} &= 36,000 && \times && \mathbf{X/Y} && \times && \mathbf{n/m} \\ &= 36,000 && \times && 1/2 && \times && 12/12 \\ &= \text{RM18,000}\end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi nilai manfaat premis kediaman (Z) = RM18,000

Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2

** NILAI TERTENTU:

- (i) di mana kediaman itu tidak tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang mengehadkan kawalan ke atas sewa dan orang yang menyediakan kediaman itu memegang kediaman tersebut secara pajakan, ianya adalah sewa yang dibayar atau patut dibayar jika kediaman itu disewakan **tanpa perabot** dan pemberi pajak dan pemegang pajak adalah orang yang bebas yang berurusan mengikut transaksi selengan.
- (ii) dalam keadaan lain, nilai boleh ditaksir atau apabila ketiadaan nilai boleh ditaksir, ianya adalah sewa ekonomi.

Sewa ke atas perabot merupakan manfaat berupa barangan (MBB) [perenggan 13(1)(b) ACP 1967].